



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## **SIARAN MEDIA**

### **ETSA DILANCAR PERKASA PEMBANGUNAN BAKAT HIJAU NEGARA**

---

Malaysia melakar pencapaian baharu dalam agenda peralihan tenaga negara menerusi pelancaran Energy Transition & Sustainability Academy (ETSA) hari ini yang bertujuan bagi melahirkan bakat hijau berkemahiran tinggi.

ETSA dilancarkan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup sempena The Energy Transition Conference 2026 (ETCon26) anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Dato' Sri Arthur berkata, ETSA ditubuhkan oleh TNB Integrated Learning Solution Sdn Bhd (TNB ILSAS) sebagai platform yang dipacu pengamal industri dan relevan dengan keperluan semasa, bagi membangunkan keupayaan diperlukan dalam peralihan tenaga.

“ETSA bukan sekadar institusi latihan biasa. Ianya menyediakan kursus penting dalam seni bina pembangunan keupayaan yang boleh diperluas, modular dan bersedia untuk masa depan.

“ETSA turut bekerjasama rapat dengan pemain industri, penyedia teknologi, institusi akademik dan agensi kerajaan kerana kementerian yang saya terajui memahami bahawa tiada satu institusi pun mampu membangunkan keupayaan negara secara bersendirian,” katanya ketika berucap.

Pada majlis sama, TNB ILSAS memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua organisasi, iaitu Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) dan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB).

MoU rentas sektor itu bertujuan menyokong usaha ETSA mempercepat pembangunan bakat hijau negara dan memperkukuh daya saing ekonomi rendah karbon, selain menyokong aspirasi Malaysia mencapai sifar bersih pelepasan karbon menjelang tahun 2050.

Pemeteraian MoU dengan MGTC akan menyaksikan program ETSA bergerak selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK), sekali gus sejajar dengan komitmen untuk meletakkan Malaysia sebagai peserta diyakini dalam perdagangan karbon antarabangsa.

Manakala MoU TNB ILSAS dengan AICB bertujuan memperkasakan sektor kewangan agar dapat memainkan peranan lebih besar dalam peralihan tenaga.

Program Certified Renewable Energy Professional dan kursus bersama dalam bidang pembiayaan mampan serta risiko iklim di bawah MoU itu pula bakal menyaksikan profesional perbankan dilengkapi dengan pengetahuan untuk menilai kebolehiayaan projek, memahami pembiayaan aset peralihan dan membuat keputusan pelaburan lebih tepat.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**4 JUN 2026**

